



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2022
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun Hijrah 1443/2022 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis } Jam 8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu } 2.00 petang

2. Bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bertugas pada hari Jumaat waktu bertugas adalah seperti berikut:-

Hari Jumaat } Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi

3. Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Berjimat Menggunakan Air Tanggungjawab Bersama"

(**MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS**)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Ruj : (2) JPM/SK/2022

Tarikh: 21 Sya'ban 1443

24 Mac 2022